



Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP
Foto IHSAN KOLEJ TEKNOLOGI ALPHA



LANDSKAP politik di dalam kampus akan berubah selepas pindaan AUKU 2018.



PARA pelajar perlu mengutamakan matlamat utama masuk ke universiti iaitu mendapatkan segulung ijazah. — Gambar hiasan

Ruang berjinak-jinak politik kepartian

Menerusi pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 2018, para pelajar diberi kelonggaran untuk aktif berpolitik sama ada di dalam maupun luar kampus.



MOHAMAD
IZZUDDIN

PINDAAN AUKU
2018 memberi ruang kepada para pelajar untuk menyuarakan pendapat mereka kepada pemimpin atasaran negara.



RUTIN kehidupan kampus remaja berusia 21 tahun itu di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor sama seperti pelajar lain dengan menghadiri kuliah dan mengulang kaji pelajaran.

Bagaimanapun, pada waktu lapang, Mohamad Izzuddin Rosli suka membelek laman sosial menerusi telefon pintar atau komputer riba bagi mengetahui perkembangan isu-isu semasa.

Antara subjek berita yang menjadi tumpuan anak kelahiran Jempol, Negeri Sembilan itu ialah berkaitan politik dan isu-isu masyarakat. Ini memandangkan dia merupakan salah seorang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UPM.

Salah satu perkara yang dilakukan oleh Mohamad Izzuddin apabila terlibat isu politik atau masyarakat ialah meninggalkan komers bersifat pendapat peribadi dalam laman sosial.

Adakalanya, komen-komen diberikan bersifat mengkritik parti atau pemimpin politik tertentu yang dilihat tidak menjalankan tugas dengan sebaiknya

dalam menyelesaikan isu berbangkit. Keberanian mengkritik dan memberi pendapat berkaitan isu-isu berkenaan mula dilakukan pelajar tahun kedua itu sejak Disember tahun lalu.

Ia selepas Dewan Rakyat sebulat suara meluluskan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) membabitkan laman sosial menerusi telefon pintar atau komputer riba bagi mengetahui perkembangan isu-isu semasa.

Antara subjek berita yang menjadi tumpuan anak kelahiran Jempol, Negeri Sembilan itu ialah berkaitan politik dan isu-isu masyarakat. Ini memandangkan dia merupakan salah seorang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UPM.

Salah satu perkara yang dilakukan oleh Mohamad Izzuddin apabila terlibat isu politik atau masyarakat ialah meninggalkan komers bersifat pendapat peribadi dalam laman sosial.

“Sekarang, saya lebih berani untuk menyuarakan pendapat peribadi mengenai parti dan pemimpin politik sama ada menerusi laman sosial atau turun ke jalan raya.

“Sebagai pelajar, kritikan yang dilontarkan adalah bersifat membina dengan memberi cadangan dalam menyelesaikan setiap isu berbangkit,” katanya ketika ditemu bual K2 baru-baru ini.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda

Akuakultur itu memaklumkan, sebelum

ini, dia rakan-rakan pelajar lain

berasa takut untuk menyuarakan

pendapat mengenai politik atau isu

masyarakat.

Ujar Mohamad Izzuddin, perasaan takut wujud kerana bimbang diambil tindakan oleh pihak universiti. Ini sekali gus membantunkan matlamat asalnya masuk ke menara gading iaitu menimba ilmu.

“Dahulu, kalau salah tulis atau cakap, kami boleh dikenakan tindakan oleh pihak universiti. Jika tidak kena pada gayanya, saya boleh dibuang universiti.

“Jadi, lebih baik saya pandamkan

sahaja pendapat yang ingin dilontarkan meskipun berlaku terlalu banyak kepincangan dalam pentadbiran negara,” katanya.

Dikuatkuasakan

AUKU dikemukakan oleh Allahyarham Datuk Hussien Onn (Menteri Pendidikan ketika itu) sebelum dikuatkuasakan pada 30 April 1971.

Acta di bawah kuasa Kementerian Pengajian Tinggi itu diperuntukkan dalam hal berkaitan menubuhkan, menyelenggarai dan mentadbirkan universiti dan kolej universiti serta bagi perkara lain berkenaan dengannya.

Ia rentetan daripada keimbangan kerajaan terhadap kelanggengan mahasiswa mengkritik kesalahan kerajaan demi memperjuangkan keadilan dan kebenaran pada tahun 1970-an.

Kerajaan ketika itu berpendapat gerakan mahasiswa perlu dihapuskan untuk memastikan kedudukan mereka tidak terjejas.

Pada tahun 1975, Menteri Pendidikan ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membuat pindaan terhadap AUKU sekali gus berjaya menakutkan kebanyakan mahasiswa untuk bersuara.

Pelajar yang didapati bersalah di bawah AUKU boleh dikenakan hukuman amaran, denda, dilarang mengambil bahagian dalam aktiviti universiti, digantung pengajian atau dipecat dari universiti.

Mantan Setiausaha Agung, MPP,

Universiti Malaya, Nur Atiqah Mohd.

Jani, 29, berkata, pindaan AUKU 2018 bakal merubah landskap politik di dalam maupun luar kampus.

Wanita yang masih menuntut di

peringkat Ijazah Sarjana Undang-Undang

itu memaklumkan, pindaan berkenaan membuka ruang lebih luas kepada mahasiswa untuk berjinak-jinak dengan politik kepartian.

“Sebelum ini, politik di dalam

kampus hanya berkisar isu-isu di dalam universiti. Kini, dengan kebebasan diberi, mahasiswa dapat berdampingan dengan para pemimpin politik.

“Peluang ini harus dimanfaatkan sebaiknya oleh pelajar dalam memperjuangkan isu mahasiswa dan masyarakat secara lebih kritis seiring dengan kebijaksanaan mereka,” ujarnya.



itu memaklumkan, pindaan berkenaan membuka ruang lebih luas kepada mahasiswa untuk berjinak-jinak dengan politik kepartian.

“Sebelum ini, politik di dalam kampus hanya berkisar isu-isu di dalam universiti. Kini, dengan kebebasan diberi, mahasiswa dapat berdampingan dengan para pemimpin politik.

“Peluang ini harus dimanfaatkan sebaiknya oleh pelajar dalam memperjuangkan isu mahasiswa dan masyarakat secara lebih kritis seiring dengan kebijaksanaan mereka,” ujarnya.

Pindaan

Pindaan tersebut juga membuka pintu kepada para pemimpin pelajar dan pihak universiti untuk mengundang pemimpin politik bagi menjayakan sesuatu program di dalam kampus.

Misalnya, baru-baru ini Pengerusi Parti Keadilan Rakyat, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dijemput memberi syarahan kepada pelajar Fakulti Bahasa dan Linguistik di UM. Anwar merupakan alumni fakulti berkenaan.

Nur Atiqah yang juga seorang kaunselor di Universiti Multimedia, Cyberjaya, Selangor berpendapat, pindaan berkenaan mampu menggilap bakat kepimpinan dalam kalangan pelajar.

Katanya, penglibatan dalam politik kepartian dapat membantu para pelajar dalam memimpin sesesebuah organisasi selain memperbaiki mutu pengucapan awam mereka.

“Kebanyakan pemimpin negara sekarang merupakan pemimpin mahasiswa yang aktif dalam organisasi seperti Anwar dan Menteri Belia dan Sukan, Syed Seddiq Syed Abdul Rahman.

“Pelajar yang aktif berpolitik cenderung lebih bermaklumat dan berkata-kata. Ini sedikit sebanyak dapat melahirkan generasi muda lebih bermaklumat dan peka dengan keadaan

negara,” ujarnya.

Bagaimanapun, Nur Atiqah berharap, pelajar tidak terlalu ghairah dalam menyuarakan pendapat mereka sehingga mengabaikan pelajaran.



ADAM ADLI (kiri) merupakan salah seorang pelajar yang dilihat di bawah AUKU.



ANWAR (dalam bulatan) aktif terlibat dalam demonstrasi ketika menuntut di Universiti Malaya pada 1974.

semasa,” ujarnya.

Bagaimanapun, Nur Atiqah berharap, pelajar tidak terlalu ghairah dalam menyuarakan pendapat mereka sehingga mengabaikan pelajaran.

Tindakan

Ujarnya, pelajaran seharusnya menjadi keutamaan dan berpolitik hanyalah sekadar perkara sumpingan dalam mengisi masa terluang di kampus.

“Janganlah aktif politik atau menyuarakan pendapat sampai tidak hadir ke kuliah. Sebaiknya, pelajar harus membahagikan masa antara pelajaran dan politik,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, Prof. Madya Azmi Sharom berkata, AUKU terkenal dalam kalangan pelajar sebagai akta bersifat kawalan.

Jelasnya, acta tersebut memberi peluang kepada universiti menggalas peraturan disiplin yang menindas sekali gus memudahkan tindakan disiplin dikenakan terhadap pelajar yang melakukan kesalahan.

“Kesan pelaksanaan AUKU sangat hebat kepada pelajar. Ia mengakang suara dan kebebasan pelajar sama ada di dalam maupun luar universiti.

“Misalnya, kesalahan memburukkan

nama baik universiti. Ia terlalu lus dan subjektif sehingga apa sahaja kesalahan boleh dianggap memburukkan nama universiti oleh panel disiplin,” katanya.

Hukuman paling berat pernah dikenakan kepada pelajar di bawah AUKU adalah pergantungan pengajian selama lima tahun kepada aktivis pelajar, Adam Adli Abdul Halim.

Adam Adli digantol oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris atas tuduhan menghasut berhubung ucapan yang dibuat beberapa hari selepas Barisan Nasional menang Pilihan Raya Umum ke-13 pada 2013.

“Pindaan ini diharap dapat membina generasi dan pemimpin masa depan lebih demokrasi selain menjadi manifestasi kepada perubahan lebih besar,” katanya.

Beliau menjanjikan pindaan tersebut tidak akan memberi impak terlalu besar kepada pelajar dalam masa terdekat. Hal ini kerana kebanyakan pelajar kurang mengambil kisah dengan aktiviti parti politik.

Dalam pada itu, Azmi mencadangkan, beberapa perkara lagi perlu dipindah kepada universiti menggalas peraturan disiplin yang menindas sekali gus memudahkan tindakan disiplin dikenakan terhadap pelajar yang melakukan kesalahan.

Katanya, kelonggaran secara menyeluruh itu membolehkan mahasiswa menyuarakan isu-isu semasa sama ada di dalam maupun luar kampus secara lebih berkesan.

INFO
Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU)

- AUKU diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1971
- Ia juga merupakan salah satu akta di bawah kuasa Kementerian Pengajian Tinggi (Kini Kementerian Pendidikan)
- Akta ini diperkenalkan bagi penutupan, penyekitaran dan pentadbiran universiti dan kolej universiti awam serta perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya

- Ia diwujudkan bagi menghalang gerakan mahasiswa sama ada dalam kampus atau dalam masyarakat pada tahun 70-an
- Akta ini dipinda pada tahun 1975, 1983, 1996, 2012 dan 2018
- Pindaan 2018 dilakukan untuk memberi lebuh ruang dan lebaskan kepada pelajar dalam bersuara atau berpolitik